



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jld. 45

12 April 2001

No. 8

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 Tahun 1965)

No. 128.

(Seksyen 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Haji Mohd. Saad bin Haji Sulaiman, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan.

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 8 Mei 2001, di Pejabat Tanah, Seberang Perai Tengah, Jalan Betik, Sungai Rambai, Bukit Mertajam, jam 10.00 pagi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM2,810.000.00.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM1,226,603.39 sehingga 5-2-2001.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Mukim 15, Seberang Perai Tengah; No. Lot/Petak/P.T.—Lot 11672, 11688, 11699, 11700, 11708, 11718, 11737, 11742, 11743 dan 11756; Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 2474, 2490, 2301, 2502, 2510, 2520, 2539, 2544, 2545 dan 2558 ; Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua; No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Persn. 2802/98 No. Jilid 154 No. Folio 57.

Bertarikh 8 Mac 2001.

[PTSP/D/1432.]

HAJI MOHD. SAAD BIN HAJI SULAIMAN,
Pentadbir Tanah,
Seberang Perai Tengah,
Bukit Mertajam

No. 129.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Taram Singh a/l Sohan Singh (K/P 8209355), beralamat di 33 Medan Angsana, Bandar Baru Air Itam, 11500 Pulau Pinang dan yang atas permintaannya Kaveat Persendirian Berdaftar No. Jilid 431 Folio 134 adalah dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri.

Dan bahawasanya tuan punya tanah diperihalkan telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintah oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Mukim 13, Daerah Timur Laut; No. Lot/Petak/P.T.—Lot 10093, Lot 10094 dan Lot 10095; Jenis dan No. Hakmilik—H.S. (D) HBM 180, H.S. (D) HBM 181 dan H.S. (D) HBM 182; Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua; No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—10295/83 Jilid. 4 Folio 142.

Bertarikh 13 Oktober 2000.

[PPHMT/PP/C/505/30 (71).]

MOHD SUBHI BIN ZERAI,
b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah,
Pulau Pinang

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

12 April 2001]

107

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960 (Akta 486)

No. 130.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN-PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Tujuan Awam

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

JADUAL

Daerah—Seberang Perai Utara; Mukim—2

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Luas Lot	Lebih kurang Luas yang hendak Diambil	
				HEKTAR	HEKTAR
798	GM 803	Wan Bee binti Haji Md. Noor (K/P 550714-07-5204) 1/4, Siti Hindun binti Othman (K/P 660424-07-5510) 1/4, Che Omar bin Che Mat (K/P 400725-07-5249) 1/4 dan Mahamad bin Salleh (K/P 530330-07-5063) 1/4 bahagian.	0.6374 (1e. 2r. 12.0p.)	0.0816 (0.2016 ekar)	

Bertarikh 12 Mac 2001.

[PTG/PT/SPU/440; PTB/B/647.]

AHMAD PESAL BIN TALIB,
Pesuruhjaya

No. 131.

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Tujuan Awam

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

108

[12 April 2001]

JADUAL

Daerah—Seberang Perai Utara; Mukim—2

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Lebih kurang	
			Luas Lot HEKTAR	Luas yang hendak Diambil HEKTAR
3023	GM 1426	Haminah binti Sab—Kesemua	0.6653 (1.644 ekar)	0.1234 (0.3049 ekar)

Bertarikh 12 Mac 2001.

[PTG/PT/SPU/438; PTB/B/644.]

AHMAD PHESAL BIN TALIB,
Pesuruhjaya

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
(Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHKAN DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA